



Seperti yang anda boleh lihat, Encik Daud mempunyai nisbah hutang kepada pendapatan yang melebihi daripada nisbah yang disarankan. Dalam keadaan seperti ini, Encik Daud harus berusaha untuk mengurangkan nisbah tersebut.

Jadi bagaimanakah caranya untuk mengurangkan nisbah hutang kepada pendapatan anda?

Nisbah ini boleh diperbaiki dengan mempertingkatkan tahap pendapatan dan/atau mengurangkan komitmen pinjaman anda.

Anda dinasihatkan agar tidak mempunyai komitmen hutang yang tinggi dan menggunakan kad kredit secara berlebihan. Ini kerana ia akan memberi kesan ke atas nisbah hutang kepada pendapatan dan mungkin menjejaskan nilai kredit anda di masa hadapan.

MENJADI SEORANG PENJAMIN

Apabila kedudukan kredit seseorang diragui, pihak pemberi pinjaman biasanya akan meminta peminjam menyediakan penjamin pinjaman tersebut.

Penjamin bukanlah peminjam utama. Walau bagaimanapun, penjamin dipertanggungjawabkan atas baki pinjaman termasuk faedah sekiranya peminjam utama gagal membayar balik.

Jaminan terhadap kewajipan peminjam akan terus berkekalan sehinggalah kesemua hutang berkenaan dilangsaikan.

Tanggungjawab penjamin tidak akan dilepaskan tanpa penyelesaian penuh pinjaman atau tanpa kebenaran daripada pemberi pinjaman terlebih dahulu.

